

Ubah masa depan Melayu

UM - 20/8/2007

Oleh AMRAN AHMAD
(WARTAWAN UTUSAN)

KIRA-kira 50 tahun lalu masyarakat bumiputera terutama orang Melayu 'diletakkan' dalam sektor pertanian mengikut dasar pecah dan perintah yang dilaksanakan oleh pemerintahan British. Ketika itu timbul persoalan 'bolehkah orang Melayu berniaga' dan 'betulkah orang Melayu tidak pandai berniaga?'

Ada juga sebahagian kecil orang Melayu dilantik ke peringkat pentadbiran awam dengan memegang beberapa jawatan 'kecil' seperti kerani, penghantar surat dan pemandu.

Namun di sebalik soalan-soalan yang membelenggu pencapaian masyarakat bumiputera, selepas 50 tahun ada angka lain yang dapat menepis tanggapan negatif itu. Jumlah usahawan bumiputera terutama orang Melayu kini begitu ramai serta pencapaian mereka dalam industri kecil dan sederhana boleh dianggap membanggakan.

Walaupun ada pihak yang cuba menafikan perkara ini dengan membandingkan bilangan bumiputera yang terlibat dalam bidang perniagaan yang dikatakan jauh berbanding dengan kaum lain terutamanya kaum Cina, namun hakikatnya keadaan hari ini tidak sama sekali dengan keadaan yang berlaku pada tahun 1957.

Yang penting, masyarakat bumiputera terutama usahawan Melayu telah membuktikan kepada dunia bahawa darah yang lahir daripada golongan bangsawan serta pahlawan suatu ketika dahulu boleh berniaga dan mampu meraih jualan berbilion ringgit hasil usaha keras dan semangat juang yang tinggi dalam dunia perniagaan.

Buktinya, pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor korporat meningkat kepada 18.9 peratus setakat akhir tahun 2004 seperti yang disebutkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan berlaku fenomena peningkatan penyertaan usahawan muda Melayu dalam sektor perniagaan pada masa ini.

Apabila Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan kira-kira 37 tahun yang lalu, ramai bumiputera khususnya orang Melayu cuba untuk mencebur diri dalam bidang perniagaan dengan dasar itu memberi peluang kepada orang Melayu untuk menerokai pelbagai bidang perniagaan, termasuk sektor yang tradisinya sebelum ini tidak ada melibatkan usahawan Melayu.

Melalui DEB, maka lahirlah golongan usahawan Melayu yang boleh dikira hebat dan berjaya sebagai tambahan kepada kejayaan beberapa kerat usahawan Melayu sebelumnya, sekali gus memberi harapan untuk menyaksikan kelahiran lebih ramai Melayu hebat dalam perniagaan dan keusahawanan.

Malangnya, melalui DEB juga masyarakat negara ini sering menyaksikan kegagalan ramai usahawan Melayu menerusi banyak berita di dada-dada akhbar ekoran krisis kewangan serantau tahun 1997 dan lebih menyedihkan apabila ada dalam kalangan yang hebat dan berjaya juga tidak dapat 'bertahan', hilang zaman kegemilangannya dan terus 'senyap' begitu sahaja.

Akhirnya kita kerap mendapat dan mendengar cerita kegagalan Melayu dalam perniagaan berbanding kisah-kisah kejayaan walaupun bantuan dari Kerajaan Pusat dan negeri kepada para usahawan Melayu terus



PROGRAM jaringan usahawan berjaya melahirkan ramai usahawan bumiputera yang berani meneroka pasaran antarabangsa.

- Gambar hiasan

Masyarakat bumiputera terutama usahawan Melayu telah membuktikan kepada dunia bahawa darah yang lahir daripada golongan bangsawan serta pahlawan suatu ketika dahulu boleh berniaga dan mampu meraih jualan berbilion ringgit hasil usaha keras dan semangat juang yang tinggi dalam dunia perniagaan.

mencurah-curah dari setahun ke setahun.

Kisah-kisah kegagalan itu boleh disifatkan sebagai kos pembelajaran yang harus dibayar dalam usaha negara melahirkan lebih ramai usahawan Melayu dalam pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Ia juga merupakan proses belajar dan menyedarkan orang Melayu lain bahawa bidang keusahawanan boleh dijadikan kerjaya pilihan selain terus sahaja berfikir untuk bekerja setelah tamat pengajian.

Bergolek

Walaupun tidak dinafikan usahawan-usahawan ternama Melayu seperti Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary, Tan Sri SM Nasimuddin SM Amin, Tan Sri Shamsuddin Abdul Kadir, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar, Tan Sri Abu Sahid Mohamed dan Datuk Mohd. Nadzmi Salleh yang masih 'kekal' sehingga hari ini kerana mendapat bantuan kerajaan dalam pelbagai peringkat, bentuk dan kaedah, namun hasil tidak hanya datang bergolek tanpa sebarang

usaha kuat.

Usahawan-usahawan Melayu ini terus bertungkus-lumus, terutama selepas krisis kewangan serantau itu yang menyebabkan ramai peniaga tersungkur dan terus terkubur, bersaing dan berlumba-lumba merebut pasaran dalam konteks yang lebih besar selepas proses globalisasi menerpa pasaran tempatan dan serantau.

Setidak-tidaknya, mereka membuktikan bahawa mereka adalah antara usahawan Melayu yang tahu berniaga dan sanggup mengharungi liku-liku dunia perdagangan serta mampu berjaya setanding dengan kaum lain dalam pasaran terbuka dengan cara tersendiri tanpa berharap sepenuhnya pada kerajaan.

Apa pun, setelah 50 tahun negara mencapai kemerdekaan, negara sepatutnya memiliki lebih ramai usahawan menerusi pemilikan 172,000 syarikat bumiputera yang berdaftar di negara ini dan seterusnya mampu menguasai lebih daripada 19.1 peratus ekonomi dalam negara ini.

Dengan tidak bersandarkan harapan dan bantuan dari mana-mana agensi-agensi kerajaan atau Dewan Perniagaan Melayu Ma-

laysia (DPMM) yang tidak habis-habis dengan kemelut kepimpinan, masyarakat bumiputera terutama orang Melayu harus 'bangun, berdiri dan berjalan' sendiri untuk memulakan perniagaan, tanpa mengharapkan bantuan awal kerajaan.

Harus diingat bahawa orang Melayu yang ada pada hari ini juga bukan lagi 'Melayu tahun 1957' kerana selain mendapat pendidikan yang tinggi termasuk dari luar negara menerusi bantuan biasiswa dari Majlis Amanah Rakyat (Mara) atau Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), orang Melayu hari ini telah sedar, belajar dan mempunyai segala pengetahuan yang diperlukan untuk berniaga di peringkat global.

Malahan banyak pengalaman telah dipelajari oleh golongan usahawan Melayu khususnya generasi muda pada hari ini daripada generasi lama, kursus yang dianjurkan oleh pelbagai badan dan persatuan perniagaan selain program mengenali dunia perniagaan anjuran pelbagai kementerian di negara ini. Secara umumnya, sekalipun 'tongkat' untuk orang Melayu dihapuskan dan usahawan Melayu dibiarkan 'terkapai-kapai' dalam arus globalisasi, usahawan Melayu mampu untuk terus meningkatkan penyertaan dalam bidang perniagaan kerana sokongan 'moral' oleh lebih 13 juta rakyat negara ini yang berbangsa Melayu.

Tanpa langsung memikirkan habuan dan bantuan yang mungkin datang bergolek, usahawan bumiputera perlu berlumba-lumba menguasai pasaran tempatan dan pada masa yang sama, menerokai pasaran luar negara walaupun dengan hanya membawa sekeping biskut kering atau bingkai gambar sebagai produk teras perniagaannya.